

**HUBUNGAN GAYA KEPIMPINAN TRANSFORMASI
GURU BESAR DENGAN KEPIMPINAN GURU DI
SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA (SJKC)
DAERAH KERIAN, PERAK**

H'NG POH SUAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025

**HUBUNGAN GAYA KEPIMPINAN TRANSFORMASI GURU BESAR
DENGAN KEPIMPINAN GURU DI SEKOLAH JENIS
KEBANGSAAN CINA (SJKC) DAERAH
KERIAN, PERAK.**

H'NG POH SUAN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA (PENGURUSAN PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025

UPSII/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1



Sila tanda (√)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

√


INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ...9..... (hari bulan)...12..... (tahun) **2025**

i. Perakuan Pelajar :

Saya, **H'NG POH SUAN, M20211000821, FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **HUBUNGAN GAYA KEPIMPINAN TRANSFORMASI GURU BESAR DENGAN KEPIMPINAN GURU DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA (SJKC) DAERAH KERIAN, PERAK** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROFESOR MADYA DR. FANNY KHO CHEE YUET** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **HUBUNGAN GAYA KEPIMPINAN TRANSFORMASI GURU BESAR DENGAN KEPIMPINAN GURU DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA (SJKC) DAERAH KERIAN, PERAK** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**.

2/1/2026

Tarikh



Tandatangan Penyelia



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: HUBUNGAN GAYA KEPIMPINAN TRANSFORMASI GURU BESAR DENGAN KEPIMPINAN GURU
DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA (SJKC) DAERAH KERIAN, PERAK

No. Matrik /:
Matrik's No.: M20211000821

Saya / I am: H'NG POH SUAN

(Nama Pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut: - *acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik Universiti Pendidikan Sultan Idris.
The Thesis/Dissertation/Project Paper is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan rujukan dan pendidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and education.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The library has the right to make copies of the thesis/Dissertation/Project Paper for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below: -

✓	AKSES TERBUKA OPEN ACCESS	Saya bersetuju bahawa Tesis/Disertasi/Kertas Projek boleh diterbitkan sebagai salinan fizikal atau akses terbuka dalam talian. <i>I agree that the Thesis/Dissertation/Project Paper may be published as a physical copy or open access online.</i>
	*TERHAD *LIMITED	Mengandungi maklumat terhad seperti yang dinyatakan oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan dijalankan. (Perpustakaan akan menyekat akses sehingga ____ tahun). <i>Contains restricted information as specified by the organization/institution where the research was conducted. (Library will restrict access until ____ years).</i>
	*SULIT *CONFIDENTIAL	Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. <i>Contains confidential information under the Official Secrets Act 1972.</i>
	EMBARGO	Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini tertakluk kepada tempoh embargo selama 2 tahun atas sebab-sebab berikut: <i>This Thesis/Dissertation/Project Paper is subject to an embargo period of 2 years for the following reasons:</i>

*Nota / *Notes:

- i. Jika tiada pilihan yang ditandai, pilihan pertama akan dilaksanakan secara automatik.
If no option is marked, the first option will be automatically implemented.
- ii. Jika Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini dikategorikan sebagai **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat dari pihak berkuasa/organisasi yang berkaitan dengan menyatakan alasan dan tempoh tesis ini perlu diklasifikasikan sebagai **TERHAD** atau **SULIT**. / *If the Thesis/Dissertation/Project Paper is categorized as CONFIDENTIAL or LIMITED, kindly attach a letter from the relevant authority/organization stating the reason and duration for the thesis should be classified as LIMITED or CONFIDENTIAL.*

(Tandatangan Pelajar/Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 2/1/2026

Tarikh: 2/1/2026

PENGHARGAAN

Salam sejahtera. Saya berasa amat bersyukur kerana dapat menyiapkan kajian ini dengan sempurnanya. Setinggi-tingginya penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Madya Dr. Fanny Kho Chee Yuet selaku pensyarah penyelia yang sudi membantu, memberikan tunjuk ajar dan tidak jemu-jemu memberi bimbingan serta teguran yang amat berharga sepanjang proses menyiapkan kajian ini. Tanpa bantuan dan bimbingan beliau, adalah mustahil kajian ini dapat disempurnakan. Terima kasih juga diucapkan kepada semua pensyarah yang telah mencurahkan ilmu, rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberi sokongan moral dan semua warga Universiti Pendidikan Sultan Idris. Saya juga ingin berterima kasih kepada keluarga saya yang sabar dalam memberi sokongan, pengorbanan dan dorongan di sepanjang proses pengajian sarjana ini. Selain itu, penghargaan turut diberikan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (terutama di atas tajaan pengajian), Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Pejabat Pendidikan Daerah Kerian, Pejabat Pendidikan Daerah Larut Matang dan Selama, Guru-guru besar serta semua guru SJKC yang terlibat dalam kerjasama dan komitmen yang tinggi dalam usaha menyumbangkan data-data yang berguna serta menjadi responden kajian secara sukarela bagi menjayakan kajian ini. Akhirnya, saya berharap kajian ini dapat memberi faedah kepada kita semua.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneliti hubungan antara gaya kepimpinan transformasi guru besar dengan tahap kepimpinan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di daerah Kerian, Perak. Reka bentuk kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada 132 orang guru daripada 10 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif untuk mengenal pasti tahap pemboleh ubah kajian, manakala Ujian-t Sampel Bebas, Analisis Varians Satu Hala (ANOVA) dan Korelasi Pearson digunakan bagi menguji perbezaan dan hubungan antara pemboleh ubah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa gaya kepimpinan transformasi guru besar berada pada tahap tinggi dengan nilai min keseluruhan 4.12 (sisihan piawai = 0.38), manakala tahap kepimpinan guru juga berada pada tahap tinggi dengan nilai min 3.90 (sisihan piawai = 0.37). Ujian-t dan ANOVA mendapati tiada perbezaan signifikan tahap kepimpinan guru berdasarkan jantina ($p > 0.05$) dan pengalaman mengajar ($p > 0.05$), namun terdapat sedikit variasi mengikut umur, khususnya kumpulan umur 21–30 tahun mencatat min tertinggi iaitu 4.21. Analisis korelasi menunjukkan hubungan positif yang signifikan ($p < 0.01$) antara semua dimensi kepimpinan transformasi guru besar dengan tahap kepimpinan guru, di mana dimensi motivasi berinspirasi mencatatkan korelasi tertinggi ($r = 0.751$). Penemuan ini mengesahkan bahawa amalan kepimpinan transformasi yang diamalkan secara konsisten berupaya meningkatkan komitmen, inovasi, dan penglibatan guru dalam memimpin bilik darjah. Implikasi kajian ini mencadangkan agar guru besar dan pentadbir sekolah mengintegrasikan elemen kepimpinan transformasi dalam strategi pengurusan dan pembangunan profesional guru, termasuk melalui program bimbingan, mentor-mentee, dan pengiktirafan prestasi kepimpinan bilik darjah. Kajian ini turut memberi sumbangan kecil kepada literatur dengan menggabungkan konsep kepimpinan transformasi dan kepimpinan guru dalam konteks Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, serta menyediakan cadangan praktikal kepada pembuat dasar untuk memperkukuh kepimpinan sekolah secara holistik. Kesimpulannya, kepimpinan transformasi guru besar mempunyai hubungan signifikan dengan kepimpinan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina daerah Kerian, Perak.

THE RELATIONSHIP BETWEEN HEADMASTER'S TRANSFORMATIONAL LEADERSHIP STYLE AND TEACHER'S LEADERSHIP IN CHINESE NATIONAL-TYPE PRIMARY SCHOOLS (SJKC) IN KERIAN DISTRICT, PERAK

ABSTRACT

This study investigates the relationship between headmaster's transformational leadership style and teacher's leadership in Chinese National-Type Primary Schools (SJKC) in Kerian district, Perak. A quantitative survey was conducted with 132 teachers from 10 National Type Primary School, and data were analyzed using descriptive statistics, Independent Samples t-tests, One- Way ANOVA, and Pearson's correlation. Findings indicate that headmaster's transformational leadership is at a high level ($M = 4.12$, $SD = 0.38$), and teacher's leadership is also high ($M = 3.90$, $SD = 0.37$). No significant differences were found in teacher's leadership based on gender ($p > 0.05$) or teaching experience ($p > 0.05$), although minor variations by age were noted, with the 21–30 age group recording the highest mean score ($M = 4.21$). Correlation analysis shows a significant positive relationship ($p < 0.01$) between all dimensions of headmaster's transformational leadership and teacher's leadership, with inspirational motivation yielding the strongest correlation ($r = 0.751$). These results suggest that headmaster who consistently demonstrate transformational leadership can enhance teacher's commitment, innovation, and active engagement in leadership roles. The study contributes to educational leadership literature by integrating the concepts of headmaster's transformational and teacher's leadership within the Chinese National-Type Primary School context and provides practical recommendations for headmasters, administrators, and policymakers to embed transformational practices into school leadership development and professional growth programme for teachers. In conclusion, the transformational leadership of headmasters has a significant relationship with teachers' leadership in SJKC schools in the Kerian District, Perak.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

PERAKUAN PENULISAN..... iii

PENGESAHAN PENYERAHAN iii

PENGHARGAAN..... iii

ABSTRAK..... v

ABSTRACT..... vi

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xii

SENARAI RAJAH..... xiv

SENARAI SINGKATAN xv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan 1

1.2 Latar Belakang Kajian..... 2

1.3 Pernyataan Masalah..... 4

1.4 Tujuan Kajian 6

- 1.5 Objektif Kajian 7
- 1.6 Persoalan Kajian..... 8
- 1.7 Hipotesis Kajian 8
- 1.8 Kerangka Kajian..... 9
 - 1.8.1 Model Kepimpinan Transformasi Bass dan Avolio (1994)..... 9
 - 1.8.2 Kerangka Konseptual..... 12
- 1.9 Kepentingan Kajian..... 13
- 1.10 Batasan Kajian..... 16
- 1.11 Definisi Operational 17
 - 1.11.1 Gaya Kepimpinan Transformasi..... 17
 - 1.11.2 Kepimpinan Guru 18
 - 1.11.3 Guru Besar 19
 - 1.11.4 Guru 19
 - 1.11.5 Sekolah Rendah 20
- 1.12 Rumusan..... 21

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

- 2.1 Pengenalan 23
- 2.2 Kepimpinan Transformasi.....23
- 2.3 Teori dan Model Kajian 28
 - 2.3.1 Teori untuk Pemboleh Ubah Bebas (IV): Teori Kepimpinan.....29
Transformasi Bass & Avolio (1994)
 - 2.3.2 Model untuk Pemboleh Ubah Bersandar (DV): Model.....32
Pembangunan Kepimpinan Guru Katzenmeyer & Moller (2009)

- 2.3.3 Perbandingan Kritikal Teori dan Model 35
- 2.3.4 Hubungan Teori dan Model dengan Objektif Kajian 38
- 2.4 Kajian Lepas Dalam Dan Luar Negara 40
 - 2.4.1 Kajian Gaya Kepimpinan Transformasi 41
 - 2.4.2 Kajian Kepimpinan Guru..... 44
 - 2.4.3 Kajian Hubungan Gaya Kepimpinan Transformasi Guru Besar47
dengan Kepimpinan Guru
- 2.5 Jurang dalam Kajian Lepas 49
- 2.6 Rumusan..... 51

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

- 3.1 Pengenalan 53
- 3.2 Reka Bentuk Kajian 54
- 3.3 Populasi Kajian 54
- 3.4 Pensampelan Kajian 56
- 3.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen 57
- 3.6 Instrumen Kajian 60
- 3.7 Kajian Rintis..... 64
- 3.8 Prosedur Pengumpulan Data 66
- 3.9 Prosedur Penganalisan Data 67
 - 3.9.1 Pra-Ujian dan Penyediaan Data 69
 - 3.9.2 Analisis Statistik Deskriptif..... 69
 - 3.9.3 Analisis Statistik Inferensi 70

3.10	Rumusan.....	72
------	--------------	----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	74
-----	------------------	----

4.2	Tahap Gaya Kepimpinan Transformasi Guru Besar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Daerah Kerian, Perak	75
-----	--	----

4.3	Tahap Kepimpinan Guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Daerah Kerian, Perak	76
-----	--	----

4.4	Perbezaan Persepsi Tahap Kepimpinan Guru Berdasarkan Jantina, Umur.....	78
-----	---	----

4.4.1	Persepsi Berdasarkan Perbezaan Jantina Responden Terhadap Tahap Gaya Kepimpinan Guru	79
-------	--	----

4.4.2	Persepsi Berdasarkan Perbezaan Umur Responden Terhadap Tahap Gaya Kepimpinan Guru	81
-------	---	----

4.4.3	Persepsi Berdasarkan Pengalaman Mengajar Responden Terhadap Tahap Kepimpinan Guru	84
-------	---	----

4.5	Hubungan Antara Gaya Kepimpinan Transformasi Guru Besar dengan Kepimpinan Guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Daerah Kerian, Perak	85
-----	---	----

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	87
-----	------------------	----

5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	88
-----	-----------------------------------	----

5.2.1	Tahap Gaya Kepimpinan Transformasi Guru Besar Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Daerah Kerian, Perak?	90
-------	---	----

5.2.2	Apakah Tahap Kepimpinan Guru Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Daerah Kerian, Perak?	92
-------	--	----

5.2.3 Adakah Terdapat Perbezaan Tahap Kepimpinan Guru Berdasarkan.94
Jantina, Umur, Dan Pengalaman Mengajar Di Sekolah Jenis
Kebangsaan Cina (SJKC) Daerah Kerian, Perak?

5.2.4 Adakah Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Dimensi.....97
Gaya Kepimpinan Transformasi Guru Besar Dengan Tahap
Kepimpinan Guru Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Daerah
Kerian, Perak?

5.3 Implikasi Kajian 98

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan 1024

5.5 Rumusan..... 1046

RUJUKAN..... 107

LAMPIRAN..... 121

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
Jadual 2.1	Perbandingan Teori dan Model Kepimpinan yang Digunakan dan Tidak Digunakan dalam Kajian	37
Jadual 3.1	Senarai Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) daerah Kerian, Perak	55
Jadual 3.2	Komen Pakar bagi Kesahan Kandungan Instrumen Kajian	60
Jadual 3.3	Item Soal Selidik Berdasarkan Dimensi Gaya Kepimpinan Transformasi Guru Besar	62
Jadual 3.4	Item Soal Selidik Berdasarkan Kepimpinan Guru	62
Jadual 3.5	Pecahan Bahagian Kandungan Instrumen	64
Jadual 3.6	Dapatan Kajian Rintis	65
Jadual 3.7	Item Dalam Instrumen dan Kod Yang Digunakan Dalam SPSS	68
Jadual 3.8	Anggaran Kekuatan Perhubungan Antara Dimensi Gaya Kepimpinan Tranformasi Guru Besar Dengan Kepimpinan Guru	71
Jadual 4.1	Tahap Gaya Kepimpinan Transformasi Guru Besar Mengikut Dimensi	76
Jadual 4.2	Tahap Kepimpinan Guru Mengikut Dimensi	77
Jadual 4.3	Persepsi Berdasarkan Perbezaan Jantina Responden Terhadap Tahap Gaya Kepimpinan Guru	79
Jadual 4.4	Ujian T Sampel Bebas	80

Jadual 4.5	Gaya Kepimpinan Guru Berdasarkan Umur Responden	82
Jadual 4.6	Analisis Varians Satu Hala (ANOVA) Gaya Kepimpinan Guru Berdasarkan Umur Responden	83
Jadual 4.7	Gaya Kepimpinan Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar Responden	85
Jadual 4.8	Ujian ANOVA Satu Hala Gaya Kepimpinan Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar	86
Jadual 4.9	Jadual Korelasi Pearson	86

SENARAI RAJAH

No. Jadual		Muka Surat
Rajah 1.1	Kerangka Model Kepimpinan Transformasi	10
Rajah 1.2	Model Pembangunan Kepimpinan Guru Katzemeyer dan Moller (2009)	12
Rajah 1.3	Kerangka Konseptual Kajian	13
Rajah 2.1	Teori Kepimpinan Transformasi Bass & Avolio (1994)	31

SENARAI SINGKATAN

BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MQL	<i>Multiple Leadership Questionnaires</i>
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
S.P	Sisihan Piawai
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SK	Sekolah Kebangsaan
SKKSM	Standard Kompetensi Keperolehan Sekolah Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kajian ini memberi tumpuan kepada hubungan antara gaya kepimpinan transformasi guru besar sebagai pemboleh ubah bebas (IV) dan kepimpinan guru sebagai pemboleh ubah bersandar (DV) di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) daerah Kerian, Perak. Penyelidikan ini melibatkan guru-guru sekolah rendah jenis Cina sebagai responden, dengan kaedah kuantitatif berbentuk tinjauan menggunakan soal selidik. Kepimpinan transformasi guru besar dilihat sebagai faktor penting dalam meningkatkan profesionalisme dan keupayaan guru untuk memimpin, manakala kepimpinan guru pula menjadi elemen kritikal dalam menjamin keberkesanan proses pengajaran, pembelajaran, dan pengurusan sekolah. Peranan guru besar yang mengamalkan kepimpinan transformasi mampu membentuk budaya kerja yang positif, menggalakkan inovasi dalam PdP, serta meningkatkan kolaborasi dalam komuniti sekolah. Kepentingan mengkaji hubungan ini khususnya di SJKC daerah Kerian adalah kerana sekolah-sekolah ini mempunyai ciri

budaya organisasi yang unik, cabaran pengajaran berbilang bahasa, dan penglibatan komuniti yang tinggi. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan bukti empirikal yang menyokong usaha meningkatkan kualiti kepimpinan sekolah rendah pelbagai aliran, selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 telah menggariskan pelbagai strategi untuk memperkukuh kepimpinan sekolah bagi menghadapi cabaran pendidikan abad ke-21. Dua daripada sebelas anjakan utama yang digariskan berkait secara langsung dengan kajian ini, iaitu mentransformasikan profesion keguruan menjadi profesion pilihan dan memastikan kepimpinan berprestasi tinggi di setiap sekolah (KPM, 2013). Kejayaan kedua-dua anjakan ini menuntut amalan kepimpinan yang bukan sahaja berkesan dari sudut pentadbiran, tetapi juga mampu memacu perubahan budaya dan meningkatkan profesionalisme guru. Dalam konteks ini, kepimpinan transformasi muncul sebagai pendekatan yang relevan dan berkesan. Kajian terkini menunjukkan bahawa guru besar yang mengamalkan kepimpinan transformasi dapat meningkatkan motivasi guru, menggalakkan inovasi, dan membentuk budaya sekolah yang positif (Maziana Murada et al., 2022; Perumal, 2024). Kajian oleh Chau dan Radzi (2023) juga mendapati amalan kepimpinan transformasi guru besar memberi kesan signifikan terhadap keberkesanan pelaksanaan Program Transformasi Sekolah (TS25),

dengan dimensi seperti pengaruh ideal dan motivasi inspirasi menjadi faktor utama kejayaan.

Dalam masa yang sama, kepimpinan guru semakin diiktiraf sebagai komponen penting dalam menjamin keberkesanan sekolah. Guru bukan sekadar penyampai ilmu, tetapi juga pemimpin dalam bilik darjah dan komuniti sekolah yang berperanan memacu pencapaian murid (Noredayu Ariff et al., 2021). Namun, realitinya masih terdapat guru yang melihat tugas kepimpinan sebagai tanggungjawab guru besar semata-mata, menyebabkan potensi kepimpinan guru kurang dimanfaatkan secara optimum. Bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), cabaran kepimpinan mempunyai dimensi tambahan. SJKC beroperasi dalam persekitaran multikultural, menggunakan bahasa pengantar utama yang berbeza daripada sekolah kebangsaan, serta berhadapan kekangan sumber pengajaran dan pembelajaran (Othman & Shaid, 2021). Cabaran ini memerlukan kepimpinan guru besar yang mampu menggabungkan kecekapan pengurusan dengan keupayaan membimbing dan memperkasa guru agar dapat menyesuaikan pendekatan pedagogi dan mengekalkan kualiti pendidikan.

Daerah Kerian, Perak, menawarkan konteks yang unik untuk mengkaji fenomena ini. Walaupun terdapat kajian kepimpinan guru di kawasan lain seperti Perak Tengah (Mohd Khairi, 2019) dan Kinta Utara (Suzana Yusoff, 2020), kajian yang meneliti hubungan gaya kepimpinan transformasi guru besar dengan kepimpinan guru di SJKC daerah Kerian masih belum dijalankan. Dengan kepelbagaian latar budaya dan penglibatan komuniti yang tinggi, daerah ini berpotensi memberikan dapatan yang signifikan untuk

memahami sejauh mana kepemimpinan transformasi dapat meningkatkan kepemimpinan guru dalam konteks sekolah rendah vernakular. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk menilai hubungan antara gaya kepemimpinan transformasi guru besar dan kepemimpinan guru di SJKC daerah Kerian. Hasil kajian diharapkan dapat menyumbang kepada usaha memperkukuh strategi kepemimpinan sekolah, seterusnya menyokong matlamat PPPM 2013–2025 dalam meningkatkan kualiti guru dan keberkesanan kepemimpinan di sekolah.

1.3 Pernyataan Masalah

Perubahan pesat dalam landskap pendidikan abad ke-21 menuntut kepemimpinan sekolah yang lebih inklusif, kolaboratif, dan berorientasikan pembangunan kapasiti guru. Peranan memimpin sekolah tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada guru besar, sebaliknya memerlukan penglibatan aktif guru sebagai pemimpin bilik darjah dan komuniti sekolah. Kepimpinan guru yang mantap mampu memperkukuh budaya kerja berpasukan, meningkatkan keberkesanan pengajaran, dan seterusnya memacu pencapaian murid. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pemimpin pengajaran yang efektif dapat memberi impak positif kepada keberhasilan murid dan pembangunan sekolah secara keseluruhan (Leithwood et al., 2004; Suzana Yusoff & Khalip Musa, 2020). Walau bagaimanapun, amalan kepemimpinan guru di sekolah rendah di Malaysia masih belum dimaksimumkan. Guru sering diiktiraf berperanan dalam pembuatan keputusan dan pelaksanaan dasar, namun peranan tersebut kerap terbatas kepada tugas pentadbiran seperti jawatan ketua panitia atau penyelaras program (Alma Harris & Michelle Jones, 2019; Norashdimah Misdi et al., 2019). Faktor seperti beban kerja yang tinggi, tekanan persekitaran kerja, dan



sokongan kepimpinan yang tidak mencukupi telah dikenal pasti sebagai antara punca kelemahan pelaksanaan kepimpinan dalam kalangan guru (Muhammad Nur Asnawi Romly, 2020; Zulkipli Zakaria, 2020; Karuppannan, 2021).

Dalam konteks Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), cabaran kepimpinan guru menjadi lebih kompleks. Guru berdepan dengan kepelbagaian tahap penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid, kekurangan bahan bantu mengajar yang relevan, dan keperluan pedagogi yang memerlukan penyesuaian khusus (Othman & Shaid, 2021). Keadaan ini boleh mengekang keberkesanan pengajaran dan menghalang guru untuk berfungsi sebagai pemimpin yang aktif. Kajian juga mendapati guru di SJKC sering kurang mendapat sokongan profesional dalam membangunkan kemahiran kepimpinan, khususnya dalam menangani pendidikan inklusif dan keperluan pelbagai latar belakang murid (Kamaruzaman et al., 2020; Faizy & Ahmad, 2023). Dalam situasi ini, peranan guru besar menjadi kunci untuk mengaktifkan dan memperkukuh kepimpinan guru. Kepimpinan transformasi yang diamalkan oleh guru besar berpotensi memberi inspirasi, membimbing, dan menyediakan sokongan berterusan kepada guru. Kajian menunjukkan bahawa guru besar yang mengamalkan pendekatan ini mampu meningkatkan motivasi guru, membina keyakinan profesional, dan menggalakkan inovasi dalam pengajaran (Tor & Bity Salwana, 2021; Gobinathan & Jamalul Lail, 2020; Maziana Murada et al., 2022). Melalui bimbingan, dorongan, dan teladan positif, guru besar dapat membantu guru mengatasi cabaran, seterusnya mengukuhkan kepimpinan guru di sekolah.



Walaupun pelbagai kajian telah meneliti hubungan gaya kepimpinan transformasi guru besar dengan pemboleh ubah seperti komitmen organisasi, kepuasan kerja, dan keberkesanan sekolah (Loh & Mohd Yusoff Mohd Noor, 2022; Kartini Mohd Yusoff et al., 2022; Mohd Zainuddin Zakaria, 2021), penyelidikan yang memberi fokus khusus kepada hubungan antara kepimpinan transformasi guru besar dan kepimpinan guru dalam konteks SJKC masih terhad. Jurang ini lebih ketara di daerah Kerian, Perak, yang mempunyai populasi SJKC dengan latar budaya organisasi unik dan cabaran pendidikan tersendiri, tetapi belum diterokai secara empirikal. Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengisi jurang literatur dengan menilai hubungan antara gaya kepimpinan transformasi guru besar dan kepimpinan guru di SJKC daerah Kerian. Dapatan kajian diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan strategi kepimpinan sekolah yang lebih berkesan, selaras dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 dalam memperkukuh kualiti guru dan memastikan keberkesanan kepimpinan di semua sekolah.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan mengenal pasti hubungan antara gaya kepimpinan transformasi guru besar yang merangkumi empat dimensi, pengaruh ideal, motivasi inspirasi, rangsangan intelektual, dan pertimbangan individu, dengan kepimpinan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) daerah Kerian, Perak. Pemilihan konteks SJKC dibuat kerana sekolah ini mempunyai budaya organisasi yang unik serta cabaran pengurusan tersendiri.



Kajian ini juga berhasrat menilai sejauh mana amalan kepimpinan transformasi guru besar dapat memperkukuh peranan guru sebagai pemimpin bilik darjah dan komuniti sekolah. Dapatan kajian diharapkan dapat mengisi jurang literatur, menyumbang kepada pembangunan model kepimpinan sekolah yang inklusif, dan menyokong usaha peningkatan profesionalisme guru dalam konteks pendidikan pelbagai budaya.

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan tujuan kajian, beberapa objektif kajian telah dibentuk seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap gaya kepimpinan transformasi guru besar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) daerah Kerian, Perak.
2. Mengenal pasti tahap kepimpinan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) daerah Kerian, Perak.
3. Mengenal pasti perbezaan tahap kepimpinan guru berdasarkan jantina, umur, dan pengalaman mengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) daerah Kerian, Perak.
4. Mengenal pasti hubungan antara dimensi gaya kepimpinan transformasi guru besar dengan kepimpinan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) daerah Kerian, Perak.



1.6 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk menjawab persoalan kajian berikut:

1. Apakah tahap gaya kepimpinan transformasi guru besar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) daerah Kerian, Perak?
2. Apakah tahap kepimpinan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) daerah Kerian, Perak?
3. Adakah terdapat perbezaan tahap kepimpinan guru berdasarkan jantina, umur, dan pengalaman mengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) daerah Kerian, Perak?
4. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi gaya kepimpinan transformasi guru besar dengan tahap kepimpinan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) daerah Kerian, Perak?

1.7 Hipotesis Kajian

- A. H_{01} : Tidak terdapat korelasi persepsi yang signifikan antara gaya kepimpinan transformasi guru besar dan kepimpinan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) daerah Kerian, Perak.
- B. H_{02} : Tiada perbezaan signifikan tahap kepimpinan guru berdasarkan jantina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) daerah Kerian, Perak.

- C. H_{03} : Tiada perbezaan signifikan tahap kepimpinan guru berdasarkan umur di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) daerah Kerian, Perak.
- D. H_{04} : Tiada perbezaan signifikan tahap kepimpinan guru berdasarkan pengalaman mengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) daerah Kerian, Perak.
- E. H_{05} : Tiada hubungan signifikan antara gaya kepimpinan transformasi guru besar dan tahap kepimpinan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) daerah Kerian, Perak.

1.8 Kerangka Kajian


1.8.1 Model Kepimpinan Transformasi Bass dan Avolio (1994)

Kerangka teori kajian merupakan panduan asas yang digunakan oleh pengkaji bagi memastikan pelaksanaan kajian dijalankan secara sistematik dan teratur. Dalam konteks kajian ini, kerangka teori berfungsi sebagai panduan dalam memahami hubungan antara gaya kepimpinan transformasi guru besar dengan tahap kepimpinan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) daerah Kerian, Perak. Berdasarkan teori yang dikemukakan oleh Bass dan Avolio (1994), kepimpinan transformasi terdiri daripada empat dimensi utama, iaitu pengaruh ideal, motivasi berinspirasi, rangsangan intelek dan pertimbangan individu, yang berperanan membentuk tingkah laku pemimpin dalam mempengaruhi pengikutnya. Oleh itu, model kerangka teori ini dijadikan asas bagi menerangkan bagaimana setiap

dimensi kepemimpinan transformasi mempengaruhi dan membangunkan kepemimpinan guru, seperti yang digambarkan dalam Rajah 1.1.

Rajah 1.1

Kerangka Model Kepimpinan Transformasi



Model Kepimpinan Transformasi oleh Bass dan Avolio (1994). Diubahsuai daripada "Improving Organizational Effectiveness Through Transformational Leadership". California: Sage.


Kerangka model Kepimpinan Transformasi yang dikemukakan oleh Bass dan Avolio (1994) menunjukkan bahawa terdapat empat dimensi dalam kepimpinan

transformasi. Dimensi yang pertama iaitu pengaruh ideal yang menyatakan bahawa pemimpin digambarkan dapat menjadi sebagai contoh atau teladan serta menetapkan jangkaan yang diharapkan daripada subordinatnya. Dimensi kedua merupakan motivasi berinspirasi yang menyatakan kemampuan seseorang pemimpin untuk meningkatkan motivasi subordinatnya untuk mencapai hasil yang diinginkan selain menyediakan imej organisasi yang menyeronokkan. Dimensi seterusnya ialah rangsangan intelek menyatakan pemimpin menggalakkan cara pemikiran baru dalam menangani masalah yang dihadapi. Dimensi yang keempat pula iaitu pertimbangan individu. Dimensi ini menggambarkan pemimpin transformasi melihat dan melayan kakitangannya dengan menunjukkan rasa hormat-menghormati serta mengambil kira keperluan kakitangannya.

Kerangka kajian dalam Rajah 1.2 dibina berasaskan Model Pembangunan Guru Katzemeyer dan Moller (2009) yang menekankan aspek pembinaan kepimpinan guru secara menyeluruh dalam organisasi sekolah. Model ini diperkenalkan hasil daripada kajian ke atas lebih 5,000 orang guru, yang menunjukkan bahawa budaya sekolah yang positif memainkan peranan penting dalam menyokong perkembangan kepimpinan guru yang berkesan. Katzemeyer dan Moller telah mengenal pasti tujuh dimensi utama yang menjadi asas kepada pembangunan kepimpinan guru, iaitu tumpuan pembangunan, pengiktirafan, autonomi, hubungan kerjasama, penyertaan, komunikasi terbuka dan persekitaran kerja yang positif. Oleh itu, model ini dijadikan panduan dalam kajian ini untuk menilai bagaimana persekitaran sekolah dan amalan kepimpinan dapat memupuk kepimpinan guru yang mantap di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) daerah Kerian, Perak.

Rajah 1.2

Model Pembangunan Kepimpinan Guru Katzemeyer dan Moller (2009)




1.8.2 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual kajian ini melibatkan dua pemboleh ubah utama, iaitu pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar yang menjadi asas kepada hubungan yang dikaji. Dalam konteks kajian ini, pemboleh ubah bebas merujuk kepada gaya kepimpinan transformasi guru besar yang diukur berdasarkan empat dimensi yang dikemukakan oleh Bass dan Avolio (1994), iaitu pengaruh ideal, pertimbangan individu, motivasi berinspirasi dan rangsangan intelek. Sementara itu, pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini ialah kepimpinan guru, yang merujuk kepada keupayaan guru memimpin diri sendiri, rakan sejawat serta mempengaruhi budaya sekolah ke arah kecemerlangan. Oleh yang demikian, hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah ini digambarkan dalam Rajah 1.3 bagi menunjukkan bagaimana gaya kepimpinan transformasi guru besar mempengaruhi tahap kepimpinan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) daerah Kerian, Perak.

Rajah 1.3

Kerangka Konseptual Kajian



1.9 Kepentingan Kajian

Dapatan daripada kajian ini berpotensi untuk dimanfaatkan oleh para guru besar dalam menilai, mengenal pasti dan memahami kekuatan serta kelemahan kepimpinan yang diamalkan di sekolah masing-masing. Ini secara langsung dapat membantu mereka memperkukuhkan usaha dalam membina budaya kepimpinan guru yang menyokong pencapaian matlamat sekolah. Kajian ini juga diharap dapat memperluas pengetahuan para pemimpin sekolah berkaitan dengan aspek kepimpinan, khususnya dalam memahami dan mengaplikasikan gaya kepimpinan transformasi serta konsep kepimpinan guru secara lebih berkesan. Di samping itu, hasil kajian ini berguna untuk membantu guru besar menilai gaya kepimpinan peribadi mereka dengan lebih reflektif dan positif, sejajar dengan perubahan semasa dan kesesuaian keperluan sekolah ke arah kecemerlangan.

Guru besar boleh menggunakan pendekatan kepimpinan transformasi secara sistematik untuk membentuk budaya kerja yang positif di sekolah. Dengan amalan seperti pertimbangan individu, guru besar dapat mengurangkan tekanan kerja dalam kalangan guru dan meningkatkan kesejahteraan mereka, seterusnya memotivasikan mereka untuk berprestasi tinggi. Selain itu, pengurus sekolah juga boleh memanfaatkan dapatan ini untuk meningkatkan kualiti kepimpinan guru melalui latihan dan bengkel yang mendedahkan guru kepada peranan mereka sebagai pemimpin dalam bilik darjah dan organisasi sekolah. Program-program seperti ini bukan sahaja membantu guru mengenal pasti potensi kepimpinan mereka, tetapi juga menggalakkan kolaborasi dan inovasi dalam kalangan guru, yang secara langsung menyumbang kepada kecemerlangan sekolah.

Dapatan kajian yang menumpukan kepada hubungan antara gaya kepimpinan transformasi guru besar dan kepimpinan guru dapat memberikan panduan untuk menyokong pelaksanaan reformasi pendidikan seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025. Bagi Kementerian Pendidikan Malaysia, dapatan ini boleh digunakan untuk merangka polisi latihan yang lebih berkesan, khususnya untuk memperkukuh kemahiran kepimpinan guru besar. Latihan ini boleh memberi tumpuan kepada penguasaan dimensi penting seperti pertimbangan individu, motivasi inspirasi, dan pengaruh ideal, yang terbukti dapat meningkatkan kualiti kepimpinan guru dan pengajaran di bilik darjah. Selain itu, KPM juga boleh menilai semula dasar kepimpinan sedia ada untuk memastikan ia menyokong perkembangan profesional guru besar dan guru secara holistik, termasuk dengan memperkenalkan mekanisme

sokongan seperti program mentor-mentee untuk meningkatkan keberkesanan kepimpinan guru.

Dari sudut pandang Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia, kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan kerana ia dapat menawarkan pandangan serta cadangan yang relevan dalam membantu pihak berwajib mengenal pasti serta menilai cabaran yang dihadapi oleh guru besar di sekolah rendah. Hasil kajian ini juga boleh dijadikan rujukan asas dalam merangka dan memperhalusi langkah-langkah yang lebih berkesan bagi meningkatkan keupayaan kepimpinan serta tahap profesionalisme dalam kalangan guru besar. Kajian ini diharap berguna kepada Institut Aminuddin Baki (IAB) dalam mencari modul-modul yang sesuai dalam usaha memperkasakan pengetua dan guru besar (PGB) dengan gaya kepimpinan transformasi ke arah pengurusan sekolah yang lebih berkesan. IAB merupakan badan yang dipertanggungjawabkan untuk melatih dan menganjurkan kursus-kursus kepada pemimpin-pemimpin sekolah. Seterusnya, kajian ini diharapkan akan menjadi perintis kepada pengkaji-pengkaji lain untuk mengembangkan lagi kajian gaya kepimpinan transformasi dalam menangani masalah yang sama atau hampir sama di sekolah mereka. Diharap kajian ini menjadi pendorong kepada kajian-kajian akan datang agar penyelidikan dijadikan sumber dalam meningkatkan kecemerlangan sekolah dan pendidikan negara kita.



1.10 Batasan Kajian

Kajian ini hanya merangkumi maklumat tentang gaya kepimpinan transformasi guru besar terhadap kepimpinan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) daerah Kerian, Perak, dengan pensampelan terhad kepada guru sebagai responden. Batasan ini menghadkan kebolehan untuk membuat generalisasi dapatan kajian ke konteks lain di Malaysia atau di negara lain. Hal ini kerana budaya organisasi, demografi guru, dan struktur pentadbiran di SJKC daerah Kerian mungkin berbeza dengan sekolah lain, termasuk sekolah kebangsaan atau sekolah di kawasan luar bandar dan bandar besar. Sebagai contoh, SJKC sering menghadapi cabaran unik seperti penggunaan bahasa pengantar yang berbeza, komposisi pelajar yang lebih homogen, dan pendekatan pentadbiran yang tidak semestinya sejajar dengan sekolah jenis lain. Justeru, dapatan kajian ini perlu ditafsirkan dengan berhati-hati sekiranya diaplikasikan dalam konteks pendidikan yang berbeza.



Selain itu, kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif dengan soal selidik sebagai alat utama pengumpulan data. Walau bagaimanapun, kaedah ini turut berdepan dengan kekangan praktikal, antaranya ialah kekangan masa, beban tugas yang tinggi serta tahap kerjasama yang berbeza-beza dalam kalangan guru ketika menjawab soal selidik. Keberkesanan sesuatu instrumen penyelidikan bergantung pada kualiti maklum balas responden, dan dalam konteks kajian ini, terdapat kemungkinan sebahagian guru tidak dapat memberikan tumpuan sepenuhnya disebabkan oleh tekanan kerja harian atau kekangan masa. Keadaan ini berpotensi menjejaskan ketepatan dan kebolehpercayaan data yang diperolehi. Tambahan pula, cabaran lain ialah kesukaran mendapatkan semula semua



borang soal selidik yang telah diedarkan, yang boleh menjejaskan gambaran sebenar populasi sasaran.

1.11 Definisi Operational

1.11.1 Gaya Kepimpinan Transformasi

Merujuk kepada gaya kepimpinan guru besar yang menjadi pemboleh ubah bebas (IV) dalam kajian ini. Gaya ini menekankan keupayaan guru besar mempengaruhi, memberi inspirasi, merangsang pemikiran, dan mengambil kira keperluan individu guru dalam usaha mencapai matlamat sekolah. Dalam kajian ini, gaya kepimpinan transformasi diukur berdasarkan empat dimensi utama:

1. Pengaruh ideal – tahap keupayaan guru besar menjadi teladan yang dihormati, dipercayai dan dikagumi oleh guru.
2. Motivasi inspirasi – keupayaan guru besar memberi semangat, visi yang jelas, dan motivasi yang mendorong guru mencapai prestasi tinggi.
3. Rangsangan intelek – tahap galakan guru besar terhadap guru untuk berfikir secara kreatif, inovatif dan menyelesaikan masalah dengan pendekatan baharu.
4. Pertimbangan individu – tahap keprihatinan guru besar terhadap keperluan dan perkembangan setiap guru secara peribadi.

1.11.2 Kepimpinan Guru

Merujuk kepada keupayaan guru memimpin di dalam bilik darjah, komuniti sekolah, dan luar bilik darjah secara profesional untuk menyumbang kepada keberkesanan sekolah. Kepimpinan guru dalam kajian ini menjadi pemboleh ubah bersandar (DV) dan diukur melalui lapan dimensi utama:

1. Tumpuan pembangunan – penglibatan guru dalam meningkatkan kemahiran profesional dan membantu pembangunan rakan sejawat.
2. Pengiktirafan – tahap penghargaan yang diterima dan diberikan oleh guru atas sumbangan profesional.
3. Autonomi – tahap kebebasan guru membuat keputusan dalam melaksanakan pengajaran dan pengurusan kelas.
4. Hubungan kerjasama – tahap kerjasama dan perkongsian amalan profesional antara guru.
5. Penyertaan – tahap penglibatan guru dalam proses membuat keputusan di sekolah.
6. Komunikasi terbuka – tahap keterbukaan guru dalam berkongsi pandangan, maklumat, dan cadangan secara konstruktif.
7. Persekitaran kerja yang positif – tahap sokongan, penghormatan, dan keyakinan yang dirasakan guru dalam persekitaran sekolah.

1.11.3 Guru Besar

Guru besar merupakan jawatan rasmi yang dilantik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memimpin dan mengurus perjalanan keseluruhan sesebuah sekolah rendah. Individu yang memegang jawatan ini berperanan penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar pendidikan, pembangunan profesional guru, serta pencapaian akademik dan sahsiah murid. Dalam konteks kajian ini, guru besar ditakrifkan sebagai pemimpin utama yang bertanggungjawab untuk merancang, melaksana dan memantau semua aspek pengurusan sekolah, termasuk gaya kepimpinan transformasi yang diamalkan dalam kalangan warga sekolah. Oleh itu, tahap kepimpinan transformasi guru besar menjadi faktor utama yang mempengaruhi tahap kepimpinan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) daerah Kerian, Perak.

1.11.4 Guru

Merujuk kepada tenaga pengajar yang berkhidmat di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) daerah Kerian, Perak, kumpulan ini terdiri daripada guru-guru yang terlibat secara langsung dalam proses pengajaran, pembelajaran serta aktiviti pembangunan sekolah. Golongan guru ini memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar pendidikan dan pembentukan iklim sekolah yang positif. Dalam kajian ini, guru dijadikan sebagai responden utama bagi menilai amalan kepimpinan transformasi guru besar serta tahap kepimpinan diri mereka sendiri berdasarkan pengalaman dan persepsi terhadap pengurusan sekolah. Oleh yang demikian, data yang diperoleh daripada

guru-guru ini menjadi asas penting dalam menilai hubungan antara gaya kepimpinan transformasi guru besar dengan tahap kepimpinan guru di SJKC daerah Kerian, Perak..

1.11.5 Sekolah Rendah

Sekolah rendah merupakan institusi pendidikan asas di Malaysia yang berfungsi menyediakan proses pengajaran dan pembelajaran bagi murid berumur antara 7 hingga 12 tahun selaras dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Institusi ini menjadi peringkat awal dalam pembentukan potensi intelek, sahsiah, dan nilai murni murid sebelum mereka melangkah ke pendidikan menengah. Dalam kajian ini, sekolah rendah merujuk secara khusus kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di daerah Kerian, Perak, yang mempunyai ciri budaya organisasi, bahasa pengantar, dan pendekatan pedagogi yang tersendiri. Oleh itu, konteks SJKC dipilih kerana keunikannya dalam aspek kepimpinan sekolah serta cabaran yang dihadapi dalam menyatukan warga sekolah di bawah satu visi pendidikan yang holistik.

1.12 Rumusan

Bab ini secara keseluruhannya menghuraikan latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan, objektif, persoalan, hipotesis, kerangka kajian, kepentingan, batasan serta definisi operasional yang berkaitan dengan kajian. Setiap komponen yang dibincangkan berfungsi sebagai panduan asas bagi pengkaji dalam membentuk struktur penyelidikan yang tersusun dan berfokus. Perbincangan ini juga membantu pengkaji menentukan arah serta skop penyelidikan supaya sejajar dengan objektif kajian yang telah digariskan. Dengan itu, bab ini menjadi asas penting dalam memastikan kajian dijalankan secara sistematik dan berpaksikan kepada kerangka teori yang kukuh.